

Headline	Selepas lima tahun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	34	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusliza Yakimir Abd Talib	AdValue	RM 7,128
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,384



**PARLIMEN**

# Selepas lima tahun

■ Syarat  
individu  
mahu tunai  
haji buat kali  
kedua

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib  
yusliza@mediaprima.com.my  
Kuala Lumpur

Headline	Selepas lima tahun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	34	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusliza Yakimir Abd Talib	AdValue	RM 7,128
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,384

**T**abung Haji mensyaratkan individu yang mahu mengerjakan haji buat kali kedua, hanya boleh berbuat demikian selepas lima tahun bermula daripada tahun kali pertama haji dikerjakan,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom peraturan itu dikuatkuasakan bagi memberi laluan kepada orang lain menunaikan ibadah haji.

"Apabila dibenarkan mendaftar mengerjakan haji selepas lima tahun pun, mereka yang sudah mengerjakan haji tidak diberi keutamaan.

"Namun kelonggaran diberikan kepada mereka yang menghadapi masalah ketika mengerjakan haji buat pertama kali seperti tidak sempat menunaikan perkara tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Che Mohamad Zulkifly Jusoh (BN-Setiu) pada sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, pada masa sama Tabung Haji tetap memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia yang berusia 75 tahun ke atas untuk menunaikan ibadah haji walaupun jumlah mereka yang menunggu giliran kini mence-



**JAMIL KHIR**

cah 1.3 juta orang.

Jamil Khir berkata, daripada senarai menunggu giliran itu, 14,000 adalah warga emas mengikut takrifan Tabung Haji iaitu berusia lebih 75 tahun.

"Bagaimanapun, kami tidak boleh melepaskan semua warga emas berkenaan menunaikan haji sekali gus kerana menjejaskan operasi pengurusan penjagaan kesihatan dan pengawalan kerana perlu memberi tumpuan kepada kelompok ini.

"Namun, mereka tetap mendapat keistimewaan dari segi kuota yang ditetapkan," katanya.

Menerusi soalan tambahan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (BN-Kepala Batas), beliau berkata, kerajaan Arab Saudi menetapkan wanita yang berumur 45 tahun ke atas tidak diwajibkan membawa mahram.

**FAKTA**

*Wanita berumur 45 tahun ke atas tidak diwajibkan membawa mahram*